

July 2017

74th ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



Wakaf Ilmu:
Enhancing the education of today's
youths for a better tomorrow

ISSN 2232-1576



9 772232 157005

EDITORIAL BOARD



Professor Dato Dr. Jamil Hamali
ADVISOR



Associate Professor Dr. Firdaus Abdullah
MANAGING EDITOR



Roselind Wee
**CHIEF EDITOR
(ENGLISH)**



Lilly Metom
**DEPUTY CHIEF EDITOR
(BAHASA MALAYSIA)**



Aiza Johari
**EDITOR
(BAHASA MALAYSIA)**



Azlina Ghazali
**EDITOR
(BAHASA MALAYSIA)**



Jacqueline Susan Anak Rijeng
**EDITOR
(BAHASA MALAYSIA & ENGLISH)**



Mohamad Bin Abang
WRITER (BM)



Ardiana Mazwa Raudah
Bt. Amir Abdullah
WRITER (BM)



Ch'ng Looi Chin
WRITER (ENGLISH)



Jacinta Yeo Jiin Yih
WRITER (ENGLISH)



Adib Sarkawi
WEB MASTER



Abdul Khalid Karim
PHOTOGRAPHER

Message from the Rector



Selamat Hari Raya Aidilfitri to our Muslim staff, students and friends. *Hari Raya* is a yearly festival that brings us together to celebrate this joyous occasion with our family members, colleagues and friends. Malaysia is a harmonious country with our multi-racial citizens coming together to celebrate the different festivals all year round. Sarawak is even more blessed to have our different ethnic groups living together in peace and harmony. We in UiTM Sarawak are proud to showcase our rich culture reflecting the unity in diversity of our country and state.

The year 2020 is fast approaching for the vision of Malaysia to become a fully developed nation to be accomplished. Beyond this date, the nation needs to soar higher to reach greater heights of achievements. During the tabling of the 2017 budget in October 2016, The Right Honourable Prime Minister, YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak introduced the National Transformation Plan 2050 (TN50) which sets the course for a new way forward for Malaysia. He referred to TN50 as Malaysia's "lucky charm" and a "legacy to be inherited by future generations". TN50, which provides a new vision for Malaysia, aims to transform Malaysia into a nation of caliber with a new mindset. Spanning over three decades, the youths of today will form the core of this new transformation plan. As such, on 19 January 2017, Dato' Sri Mohd. Najib launched the first series of national discourse to chart the nation's direction. The general goal of TN50 is for Malaysia to become one of the top 20 countries in the world by 2050.

TN50 has outlined seven areas namely values, governance, environment, education, employment, lifestyle and putting Malaysia on the global stage. These areas have been identified as the aspiration of the younger generation. Based on the feedback of the series of national discourse held on a state level from the country's 1.5 million youths throughout the year, the government will evaluate and draft a TN50 document which outlines the economic, social, cultural and environmental targets Malaysia aims to achieve by 2050. The government is willing to listen to the people especially the youths using the bottom up approach. The future of the country as a competitive nation hugely depends on a pool of highly skilled human capital. Therefore, the government seeks to engage the youths in the nation-building and decision-making processes. A change in mindset is necessary to develop a talent pool of human resource.

Universiti Teknologi Mara (UiTM) is the largest institution of higher learning in terms of size, courses offered and population. Supported by a vast network and a workforce of 18,188, it is home to some 165,000 students. Offering 373 academic programmes in a conducive and vibrant environment, UiTM has not only made education accessible but it has also produced the much needed manpower to serve

a broad spectrum of industries and public agencies. To date, UiTM has achieved its establishment objective producing almost 700,000 graduates amongst whom are successful academicians, administrators, technocrats, corporate figures as well as honourable Ministers. Indeed, UiTM Sarawak is proud to be part of this vast network that shapes and moulds the youths of today to be the future strength and backbone of the country's economic, social and political developments in our nation. Since its establishment in Sarawak in 1973, UiTM Sarawak has produced about 33,000 graduates who have been identified through its data base system. So far, less than 10,000 graduates have registered. Therefore, I would like to encourage our graduates to register themselves in the system. UiTM Sarawak has set up the *Wakaf Ilmu* fund with the objectives of firstly, collecting funds for infrastructure and education of UiTM Sarawak's students, secondly setting up the first halal lab in Borneo under the Halal Research Centre of UiTM Sarawak and thirdly, giving opportunities to UiTM Sarawak alumni and the general public to contribute. Thus, alumni members are very much encouraged to contribute to UiTM Sarawak in cash or kind to fund our activities and programmes.

Youths, especially the undergraduates, need to change the way they think to become more competitive. They will become the leaders of tomorrow who will create opportunities for themselves and the society. Therefore, the university needs to inculcate positive minds and proactive attitudes in them so that the society and the nation will achieve tremendous success in 2050. Education needs to focus on producing progressive and balanced human capital. With the fast-evolving technologies, the new generation needs to acquire vast knowledge to stay competitive in the job market. As such, our graduates need to be technology savvy and entrepreneur minded. Many daily transactions including online business and e-business are done online. Therefore, institutions of higher learning have a huge responsibility to prepare the students, the youths of today to master the technological and entrepreneurial skills that will be invaluable to them as they join the workforce or start their own business. In UiTM, the Faculty of Plantation and Agrotechnology plays a vital and significant role in producing well trained professionals in all areas of plantation and agriculture related industries. The government intends to produce professionals and entrepreneurs who are knowledgeable and highly skilled in the plantation and agriculture sectors. In tandem with the developments of the state, UiTM Sarawak is introducing two new courses in Mukah namely Diploma in Aquaculture and Diploma in Halal Production in June and September respectively. UiTM Sarawak's graduates are not only of high quality but are also competitive and capable of bringing transformations to the plantation and agricultural sectors to fulfill both the present and future needs of the state and the country.

I take this opportunity to encourage our staff and students to move abreast with the fast changing world of modern technology so that Malaysia will indeed become one of the top 20 nations in the world as envisioned by TN50. Together we will soar upwards to reach the pinnacle of success for our university and the nation.

Professor Dato Dr. Jamil Hamali



Message from the Chief Editor

Time flies and it is the middle of another year. I would like to wish all my colleagues and students *Selamat Hari Raya Aidilfitri*. We in UiTM Sarawak are lucky to be working in a harmonious environment where different races cooperate to mould the youths of today to become the future leaders of tomorrow.

We are fast approaching 2020, the year that was set for Malaysia to achieve Vision 2020 to become a fully industrialised nation. The introduction of the National Transformation Plan 2050 (TN50) is timely as it concerns the plans for the years beyond 2020. The youths of today will become the leaders of tomorrow who need a new mindset to forge a new way forward for Malaysia. TN50 aims for Malaysia to become one of the top 20 countries in the world by 2050. To achieve this goal, we need to empower the youths to be able to develop critical thinking skills that enable them to be able to evaluate situations and take appropriate actions. We have to engage the youths positively and prepare them to take the community ahead as they are the future of the nation. As an institution that deals directly with the youths, UiTM Sarawak is responsible to empower the youths to take charge of the developments in the state and the nation after they graduate.

The seven areas namely values, governance, environment, education, employment, lifestyle and putting Malaysia on the global stage outlined in TN50 are identified as the aspiration of the younger generation. Malaysia depends on a pool of highly skilled human capital. As the largest institution of higher learning in Malaysia, *Universiti Teknologi Mara* (UiTM) has produced 33,000 graduates who not only have played an important role in the political, economic and social developments but also in the nation-building and decision-making processes. Therefore, by being the main producer of qualified human capital, UiTM Sarawak has indeed contributed tremendously to the state and the nation. In tandem with the development of the state, particularly with the introduction of the Sarawak Corridor of Renewal Energy (SCORE), UiTM Sarawak is continuously expanding the number of courses offered to cater to the manpower demands of the state. As such, new courses such as the Diploma in Aquaculture and Diploma in Halal Production have been introduced to produce high quality and competitive graduates who are highly sought after by the industries to bring transformation to the plantation and agricultural sectors.

I am sure that with the continuous efforts by the management and the staff, UiTM Sarawak will continue to soar higher and produce better qualified students who are the cornerstone for the transformation of Sarawak and Malaysia. Together we will make a difference.

Roselind Wee

UiTM Cawangan Sarawak terima dana wakaf setengah juta bagi pembelian peralatan makmal halal daripada Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak

Oleh: Ardiana Mazwa Raudah

Pada 4 Jun 2017 yang lepas, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Yang di-Pertua Negeri Sarawak bersama-sama dengan pihak Majlis Islam Sarawak dan Bank Rakyat Cawangan Sarawak.

Pada kunjungan hormat ini, Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali, Rektor UiTM Cawangan Sarawak telah memberi penerangan kepada TYT berkenaan program wakaf ilmu UiTM Sarawak yang berperanan untuk mengumpul dana bagi tujuan pembangunan pendidikan para pelajar di universiti ini. Program wakaf ini turut mensasarkan pembinaan sebuah makmal kajian halal di Kampus Samarahan 2 yang dicadangkan beroperasi di bawah Institut Perwakafan dan Penyelidikan Halal yang bakal ditubuhkan nanti.

Objektif utama program Wakaf Ilmu UiTM Sarawak ini adalah untuk mengumpul dana bagi tujuan membiayai prasarana dan pengurusan pendidikan pelajar. Pelaksanaan program ini akan melibatkan kerjasama daripada institusi kewangan tempatan yang dilantik iaitu Bank Rakyat sebagai pemegang amanah sepanjang program ini berjalan.

Antara cadangan pelaksanaan program ini termasuklah penyediaan skim wakaf melalui potongan gaji bulanan kepada pemilik akaun bank, tawaran khidmat potongan wakaf melalui dividen dan keuntungan yang diperolehi oleh pemegang akaun bank serta skim potongan zakat kepada pemegang akaun yang ingin berzakat. Program Wakaf Ilmu UiTM Sarawak ini mensasarkan alumni UiTM Cawangan Sarawak serta orang ramai yang mempunyai akaun di Bank Rakyat. Segala bentuk promosi dan kempen akan dilakukan oleh pihak Bank Rakyat dengan kerjasama UiTM Cawangan Sarawak.

Pada kunjungan hormat itu juga, pihak UiTM amat berbesar hati menerima dana wakaf berjumlah RM500,000.00 daripada Datu Haji Misnu bin Haji Taha, Yang di-Pertua Majlis Islam Sarawak yang diperuntukkan oleh Tabung Baitulmal bagi pembelian peralatan makmal halal di Kampus Samarahan 2.

Turut hadir semasa kunjungan hormat tersebut adalah Datu Haji Abang Mohd Shibli Bin Haji Abg Mohd Nailie, Pengurus Besar Tabung Baitulmal, Encik Muhamad Yusof Hashim, Pengurus Bank Rakyat Cawangan Satok, Tuan Haji Ismail bin Haji Mohd Hanis, Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak, Tuan Haji Samat Bin Junai, Pengarah Unit Pembangunan Usahawan & Industri Halal Jabatan Ketua Menteri Sarawak dan Profesor Madya Dr. Firdaus Abdullah, Penolong Rektor Kampus Samarahan 2.



Majlis Iftar Pelajar UiTM bersama TYT Yang Di-Pertua Negeri Sarawak

Oleh: Ardiana Mazwa Raudah

Pada 21 Jun 2017 yang lepas, para pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak telah menganjurkan Majlis Iftar Pelajar UiTM bersama Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, serta isteri Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib di perkarangan Pusat Pelajar Kampus Samarahan 2.

Menurut Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali, Rektor UiTM Cawangan Sarawak, majlis ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar serta Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM. Agenda utama majlis ini diadakan adalah untuk menyampaikan sumbangan khas kepada anak-anak yatim yang sedang menuntut di UiTM.

“Kita berharap agar dengan adanya sumbangan yang diberikan ini, ia akan dapat serba sedikit menceriaikan para pelajar kita untuk balik kampung dan beraya bersama sanak-saudara walaupun telah kehilangan ibu atau bapa”, kata Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali yang berharap agar anak-anak yatim ini terus cekal dan tabah dalam menghadapi apa jua dugaan yang mendatang.

“Seperti yang kita semua maklum, semasa hari perayaan, apabila pulang ke kampung halaman masing-masing, semestinya ibubapa adalah orang yang paling dirindui oleh para pelajar. Namun, bagi mereka ini sudah semestinya akan merasa kehilangan dan sedih kerana tidak lagi dapat melihat, apatah lagi bersalaman dan bermaafan bersama ibu dan bapa”, katanya lagi.

Seramai 88 orang anak yatim telah menerima sumbangan yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, serta isteri Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib.

Turut hadir ke majlis tersebut adalah Yang Berbahagia Tan Sri Dato Sri Safri Awang Zaidell, Pro Canselor UiTM serta isteri, Yang Berbahagia Puan Sri Lilia Hj Mohd Salleh, barisan timbalan dan penolong rector serta 350 orang pelajar UiTM Cawangan Sarawak.



ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE-86

Oleh: Mohammad Abang

Istiadat Konvokesyen UiTM Ke-86, UiTM Cawangan Sarawak menyaksikan seramai 1,545 graduan bergraduasi, dengan 541 orang menerima ijazah sarjana muda dan 1,004 graduan pula menerima diploma. Istiadat konvokesyen kali ini yang berlangsung selama lima sidang disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato Sri Haji Safri Awang Zaidell, Pro-Canselor UiTM.

Dalam ucapannya, beliau menyeru kepada semua graduan supaya mempunyai keberanian dan inisiatif untuk melakukan inovasi dan kreativiti dalam menghadapi persekitaran ekonomi global yang semakin mencabar. Menurutnya, model baru ekonomi dan tranformasi ekonomi kini memerlukan graduan yang mempunyai kemahiran ilmu dalam pelbagai bidang, dan kreatif supaya anda tidak “tepu” dan boleh melangkah keluar dari zon selesa.

“Sekiranya para graduan dapat menguasai model baru ekonomi ini, saya yakin anda tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan. Ataupun kalau lebih baik, mampu mencipta peluang pekerjaan untuk orang lain.

“Anda tidak seharusnya hanya bergantung kepada kerajaan sahaja untuk mendapatkan pekerjaan. Sebaliknya anda boleh mencipta peluang pekerjaan dengan menjalankan perniagaan, menceburi aktiviti pertanian, penternakan dan sebagainya,” katanya.

Beliau juga mahu agar semua graduan mempraktikkan segala ilmu dan kemahiran yang dipelajari, bagi memulakan perniagaan atau melakukan apa sahaja pekerjaan, tanpa perlu berharap bekerja makan gaji sahaja. Katanya, senario sebeginilah yang perlu diberi perhatian oleh para graduan supaya masalah lambakan graduan yang tidak bekerja dapat diatasi.

“Jadilah seorang graduan yang berfikiran kreatif, lagi kritis, dalam mendepani cabaran ekonomi semasa. Anda harus sedar bahawa realiti ekonomi dan pasaran buruh semasa, perlu ditekuni, supaya anda lebih memahami bahawa tidak semestinya jenis dan sifat profesion yang diinginkan, boleh terus dicapai sekelip mata.

Oleh yang demikian, ujarnya para graduan seharusnya bersedia untuk membuat keputusan dengan pilihan-pilihan yang terbatas dalam menentukan kerjaya mereka.

Hadir sama sepanjang istiadat konvokesyen UiTM Ke-86 UiTM Cawangan Sarawak adalah Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali, Rektor UiTM Sarawak, Timbalan-Timbalan Rektor, Penolong-Penolong Rektor serta para ibu bapa dan tetamu jemputan.



Program Konsolidasi Patriotisme Ekonomi Bumiputera Bersama Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM)

Oleh: Nur Ain bt Abu Bakar



Tan Sri Dr Rahim Tamby Chik menyampaikan amanat kepada para graduan dalam uaputama Program Konsolidasi Patriotisme Ekonomi Bumiputera



Kehadiran para peserta dari pelbagai institusi seperti UiTM Mukah, Politeknik Mukah, kolej swasta serta SMK Three Rivers bagi memeriahkan program ini



Sesi fotografi bersama tetamu kehormat, ahli panel majlis dan para peserta program



Sidang media mengenai Program Konsolidasi Patriotisme Ekonomi Bumiputera yang dihadiri oleh Pengerusi GABEM, Tan Sri Dr Rahim Tamby Chik, Penolong Rektor UiTM Sarawak Kampus Cawangan Mukah, Tuan Haji Khalik Bin Ibrahim dan wakil-wakil GABEM serta KPT

Pada 15 Mac 2017, UiTM Sarawak Kampus Cawangan Mukah telah menjadi lokasi pilihan bagi penganjuran program Konsolidasi Patriotisme Ekonomi Bumiputera bersama dengan Gabungan Badan Ekonomi Melayu (GABEM) yang bertempat di Dewan Sri Balau, UiTM Sarawak Kampus Cawangan Mukah. Program selama sehari ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai peluang dan bantuan perniagaan yang disediakan oleh kerajaan kepada para usahawan bumiputera. Program ini telah dihadiri oleh beberapa orang tetamu kehormat yang terdiri daripada Tan Sri Dr Rahim Tamby Chik (Pengerusi GABEM), Timbalan Residen bahagian Mukah, Penolong Rektor UiTM Mukah serta wakil-wakil badan kerajaan dan institusi jemputan. Seramai 400 orang peserta telah menghadiri program ini yang terdiri daripada para pelajar semester 4 dan 5 dari UiTM Mukah serta peserta jemputan luar seperti Politeknik Mukah dan SMK Three Rivers.

Program yang telah dirasmikan oleh Tan Sri Dr Rahim Tamby Chik selaku Pengerusi GABEM, merupakan salah satu inisiatif di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Kementerian Pengajian Tinggi yang bertujuan untuk menggalakkan para graduan menceburi bidang keusahawanan selepas bergraduasi sejajar dengan matlamat nasional untuk melahirkan negara yang berdaya saing serta berpendapatan tinggi menjelang Wawasan 2020. Antara intipati program ini termasuklah ceramah dan sesi dialog berkisarkan mengenai kefahaman dan kesedaran kepada peserta-peserta mengenai kepentingan perjuangan ekonomi Bumiputera serta maklumat mengenai kemudahan dana perniagaan yang boleh diceburi oleh usahawan-usahawan bumiputera.

Sesi ceramah dimulai dengan ceramah yang bertajuk "Satu Keluarga Satu Syarikat (1K1S)" yang telah disampaikan oleh Encik Farouk Mohd Sultan selaku pegawai khas dari GABEM. Beliau telah mengupas mengenai kepentingan menaik taraf pendapatan keluarga melalui perniagaan di susuli dengan penerangan mengenai kemudahan dana bagi memulakan perniagaan yang dikenali sebagai SUPERB (Skim Usahawan Permulaan Bumiputera) oleh wakil TERAJU, Encik Ahmad Azlan Ahmad Shah selaku Pengurus, Pembangunan Sektor, Pembangunan perniagaan/usahawan.

Seterusnya, ceramah diteruskan dengan penerangan mengenai peluang-peluang perniagaan secara francais oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNB), peluang perniagaan secara atas talian oleh Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM) serta program usahawan tunas belia bumiputera oleh wakil SME Corp. Kemuncak program Konsolidasi Patriotisme Ekonomi Bumiputera ini adalah sesi forum bersama ahli-ahli panel jemputan yang terdiri daripada wakil felo perundangan dan penyelidikan GABEM serta pengerusi MASMED UiTM Sarawak yang telah di pengkerusikan oleh wakil UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, Encik Wan Abdul Rahim Bin Wan Ahmad yang mengupas mengenai kepentingan jihad ekonomi bagi bumiputera, pembentukan nilai dan karekter usahawan berjaya serta perbincangan mengenai senario usahawan bumiputera masa kini.

Majlis diakhiri dengan sesi penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat dan sesi fotografi bersama para peserta.



KEJOHANAN BOLING PIALA REKTOR UiTM SARAWAK KALI KE-4 2017

Unit Sukan UiTM Sarawak telah menganjurkan Kejohanan Boling Piala Rektor UiTM Sarawak pada 10 Mac 2017 (Jumaat) di Megalanes, King Centre, Kuching. Sesi 1 telah dijalankan pada 1.00-2.30 petang dan Sesi 2 dijalankan pada 7.30 malam. Seramai 53 orang staf dari UiTM Kampus Samarahan dan Kampus Mukah telah menyertai pertandingan ini.



FESTBaF 2017 Meriah!

Oleh: Ch'ng Looi Chin dan Hazis Wahab



FESTBaF yang telah berlangsung sejak acara saringannya dari 21 - 24 Februari dan acara akhir dari 26 - 28 Februari 2017 telah menerima sambutan yang meriah dan menggalakkan. Festival ini melibatkan pelajar-pelajar dari semua fakulti di Kampus Samarahan, Samarahan 2 dan Kampus Mukah.

Antara pertandingan-pertandingan yang diadakan semasa FESTBaF ialah pertandingan nyanyian, teater, puisi, pantun, etnik kreatif, *street dance*, *battle of the bands*, dan akustik jazz. Tahniah diucapkan kepada Juara Keseluruhan FestBaF Siri 1 yang dimenangi oleh Fakulti Pengajian Perniagaan dari Kampus Mukah, yang membawa balik Piala Pusingan FESTBaF.

High Impact Programme 2 (HIP2) fund Award for UiTM Sarawak

By: Khong Heng Yen

UiTM Sarawak, in collaboration with Banana Trees Sdn Bhd, has been awarded the High Impact Programme 2 (HIP2) Fund from Platcom Venture Sdn Bhd, a 100% owned subsidiary of *Agensi Inovasi Malaysia* to commercialize the innovation product, Gluten free flour. It was the 1st time UiTM won the award with the innovation product initiated by Associate Professor Dr. Khong Heng Yen who will be the technical advisor of this project. Within a year, her team needs to assist the company to optimize the production processes of high quality gluten free flour on an industrial scale to be marketed in local and foreign markets. Initially valued at USD \$3126 million in 2015, the gluten free flour product world market is projected to reach USD \$5279 million by 2022, growing at a cumulative annual growth rate (GAGR) of 7.5% from 2016 to 2022. It is hoped that the success of the team will inspire more innovators to create more successful innovations through HIP2 facilitation programme.



Associate Professor Dr. Khong Heng Yen with the CEO, Mr Tho Tze Bing and the Director of Business Development Mr. Thomas Lato



European Union ERAMUS Project

By: Margaret Chan Kit Yok

Eleven partners from four European countries namely France, Belgium, Denmark, Estonia and four Asian countries namely Malaysia, Bangladesh, Bhutan, Pakistan secured a three-year ERAMUS+ project under KA2 programme – Cooperation for innovation and the exchange of good practices – Capacity Building in the field of Higher Education funded by the European Union in June 2016. Malaysian partners consist of *Universiti Teknologi MARA* and Institute of Teaching Training, Batu Lintang Campus, Kuching. The purpose of Blended Learning for Teacher Educators in Asia and Europe project (BLTeae) consisting of 8 working packages (WP) is to support teacher educators' professional development through blended learning based on innovative constructivist theories identifying the following concrete outputs from its work based on the text of the proposal submission:

- blended learning courseware with online and face-to-face training offer
- a collaborative and reflective learning community
- innovative teaching practice scenarios
- a curriculum design for teacher training

Associate Professor Dr. Margaret Chan Kit Yok, the national coordinator and Associate Professor Dr. Ling Siew Eng, leader of the Working Package 4 attended the first kick off meeting held at Aix-Marseille University, France from 9 to 12 January 2017. The meeting of the project provided the platform for all the partners to prepare the first-year of the project by working on issues related to general project management and communication rules, questionnaires and modules required to assess needs and improve knowledge on innovative practices. Three WPs: Main III. Modules: Improving knowledge on innovative practices (WP1); Questionnaire: Identifying skills & needs of teacher educators (WP2) and Management of the project (WP8) were launched. Malaysia was assigned to develop the "Social Media in Teaching".



Associate Professor Dr. Margaret Chan Kit Yok delivering an introductory presentation on the educational system of Malaysia and UiTM during the kick-off meeting



The Malaysian partners with Professor Dr. Jacques Ginesié, Director of the laboratory ADEF, President of the ESPÉ national network and Director of the ESPÉ of Aix-Marseille University, France



The Malaysian partners from UiTM Sarawak and the Institute of Teaching Training, Batu Lintang Campus posing with the Bangladesh partners during the tea-break at Aix-Marseille University



The eleven partners from four European countries namely France, Belgium, Denmark, Estonia and four Asian countries namely Malaysia, Bangladesh, Bhutan and Pakistan with the background of Cathedral of Notre Dame perched on a hilltop south of the Vieux Port, Marseille,

Subsequently, upon returning from France, regular meetings for Malaysian partners were held at the Institute of Teachers' Education, Batu Lintang Campus (IPGBL) to discuss the topic "Social Media in teaching relating to Working Package 1" that was assigned to be developed by the Malaysian team.

UiTM researchers' meeting:
Associate Professor
Dr. Margaret Chan Kit Yok
(National Coordinator),
Associate Professor
Dr. Ling Siew Eng, leader of
WP4, Madam Ling Siew Ching
and Madam Adeline Engkamat



The Malaysian partners' meeting at the Institute of Teaching Training, Batu Lintang Campus, Kuching

Oleh: Sarehan binti Sadikin & Yeo Jiin Yih

Unit Perancangan Strategik, UiTM Sarawak telah berjaya menganjurkan Retreat Pemurnian Perancangan Strategik 2016-2020 pada 20 dan 21 Mac 2017 di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kota Samarahan, Sarawak dengan disertai oleh 67 orang staf UiTM Sarawak. Program ini bertujuan

1. Memperluaskan akses kepada pengajian tinggi melalui pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat dan dalam talian di peringkat nasional dan global
2. Mempertingkatkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang
3. Memperkasakan tadbir-urus melalui penggabungan autonomi dan akauntabiliti
4. Mempertingkatkan prasarana system penyampaian universiti

5. Mempertingkatkan kemampunan kewangan dan penjana pendapatan – Penjana Pendapatan
6. Mempertingkatkan inovasi, paten harta intelek dan pengkomersilan melalui jalinan kolaborasi
7. Mempertingkatkan kecemerlangan bakat komuniti akademik melalui pembangunan pendidik, penyelidik, pengamal profesional, pemimpin institusi dan staf sokongan
8. Mempertingkatkan kemampunan kewangan dan penjana pendapatan - Penjimatan Kos

Program bermula dengan taklimat tentang hala-tuju universiti dan Overview Perancangan Strategik 2016-2020 dan diakhiri dengan pembentangan dan review strategi/pelan tindakan baru di mana perbincangan untuk merangka strategi dan pelan tindakan telah dijalankan mengikut kumpulan.



Minggu Destini Siswa (MDS) bagi Sesi Interim Jun 2017

Oleh: Mohammad Abang

Seramai 1,429 mahasiswa dan mahasiswi baru mendaftar sebagai pelajar baru di UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2 bagi sesi Jun 2017 yang bermula pada 4 Jun 2017. Lebih menarik terdapat juga beberapa pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) yang turut mendaftar sebagai pelajar baru kelihatan bersemangat untuk memulakan sesi pengajian di UiTM Cawangan Sarawak.

Majlis kemuncak adalah Perasmian Minggu Destini Siswa (MDS) yang disempurnakan oleh Rektor UiTM Cawangan Sarawak, Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali dan turut dihadiri oleh Timbalan-Timbalan Rektor, Penolong Rektor, Ketua-Ketua Bahagian, Ketua-Ketua Unit dan Koordinator-Koordinator program serta kakitangan lain.

Dalam amanatnya, Dato Dr. Jamil mengingatkan kepada setiap pelajar baru supaya menggunakan peluang belajar di UiTM Cawangan Sarawak dengan sebaik-baiknya dengan membuktikan bahawa mereka sememangnya layak melanjutkan pengajian di universiti terbesar ini.

Sambil mengucapkan tahniah kepada pelajar yang berjaya, beliau mahu setiap pelajar perlu tahu peranan serta tanggungjawab mereka apabila melangkah kaki ke universiti dan gunakan peluang yang terhidang ini untuk menjamin kejayaan di masa hadapan.

“Apa yang berlaku di sekolah sebelum ini, beberapa keputusan peperiksaan yang ada dapat, lupakanlah. Itu semua sudah menjadi sejarah.

“Sekarang tiba masanya untuk anda memulakan babak baru dalam kehidupan anda. Gunakan peluang ini dengan sebaik-baiknya kerana ramai lagi rakan-rakan anda yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pengajian di UiTM,” pesannya kepada pelajar.

Beliau juga mengingatkan kepada para pelajar bahawa mereka belajar di universiti bukanlah disebabkan mereka pandai tetapi mereka belajar di universiti kerana mahu menjadi pandai.



WITH AND FOR THE STUDENTS

By: Voon Boo Ho

A prime lecture entitled 'Out of the Vicious Cycle' by Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo, the President of MASA was held on 10 April 2017 at UiTM Sarawak, Samarahan Campus. It was attended by more than 250 participants including lecturers, board members of MASA (the Institute of Management Sarawak) and bachelor degree students. The event was organized by Service Research Group (ServGroup) in collaboration with the MASA Student Chapter (UiTM Cawangan Sarawak). The Campus Rector, Professor Dato Dr. Jamil Haji Hamali officiated the event which was also attended by Associate Professor Dr. Voon Boo Ho (Head for Service Research Group & Advisor for MASA Student Chapter), ServGroup cum organizing committee members (Dr. Kuldip Singh, Patricia Melvin Jussem, Vloreen Nity Mathew, Ardiana Mazwa Rauda Amir Abdullah), and the President for MASA Student Chapter with all his organizing committee members.

Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo gave an inspiring as well as provoking lecture to challenge the participants to get out of the vicious cycle of poverty from the economic, attitudinal, social and political aspects. He stressed that individuals, managers, directors and policy makers have to think through and follow through things they plan, do and monitor. Among the lessons learned from the prime lecture was 'Do not waste' which the participants and organizers really practised immediately after the lecture. The food served was not wasted. They were mindful and shared the food with others, for instance, the VIPs shared the food and drink with the organizing committees. The right attitude of serving, earning own income, working hard for a better quality of life, giving and helping the needy, emphasizing quality of education, improving infrastructure, be enterprising, market-oriented and mindful and other soft-skills were stressed and elaborated in the lecture which lasted for about 65 minutes.

A Dinner and Appreciation Night was held at Damai Central on 13 May 2017 for about 70 Bachelor of Business Administration (Hons.) Marketing students. Puan Norzaihan Hashim (KPP), Cik Irdawaty Jaya (Advisor, Marketeer), Associate Professor Dr. Voon Boo Ho, Associate Professor Dr. Abang Zainoren Abang Abdurahman and Dr. Jati Kasuma Ali also attended the enjoyable and memorable event.



Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak dekat di hati para pesakit Hospital Umum Sarawak

Oleh: Ardiana Mazwa Raudah

Sempena bulan Ramadhan yang penuh keberkatan, Kelab Kakitangan UiTM (Kekita) dan Persatuan Wanita (Pewani) UiTM telah menganjurkan Program Tautan Kasih Ramadhan dengan mendekati para pesakit di wad *Pediatric Oncology*, Hospital Umum Sarawak (HUS), Kuching pada 17 Jun 2017 yang lepas.

Menurut Dr Kamarudin Jaraee, Presiden Kelab KEKiTA UiTM Cawangan Sarawak, objektif utama lawatan ini adalah sebagai tanda keperihatinan warga UiTM Cawangan Sarawak kepada pesakit-pesakit di HUS selain daripada memberikan keceriaan kepada pesakit dan keluarga menjelang tibanya Hari Raya.

"Sumbangan yang disampaikan adalah dalam bentuk kelengkapan persekolahan, permainan kanak-kanak serta juadah seperti biskut dan air minuman. Kesemua sumbangan

ini adalah daripada warga kakitangan UiTM yang sangat membantu dalam program ini", ujar Dr Kamarudin lagi.

Lawatan dan sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Datin Marilyn Edna Perreau, Pengerusi Pewani UiTM Cawangan Sarawak, Dr Kamarudin Jaraee, Presiden Kelab KEKiTA UiTM Cawangan Sarawak serta beberapa ahli jawatankuasa kelab dan persatuan tersebut.

"Ternyata dengan adanya lawatan dan sumbangan yang diberikan itu, kelihatan para pesakit di wad tersebut ceria dan gembira menerima lawatan dan sumbangan yang disampaikan kepada mereka, dan kami juga turut gembira melihat para pesakit ini tersenyum mendapat sedikit hadiah daripada kami", kata Datin Marilyn di akhir lawatan tersebut.




Dr. Kamarudin (kanan) dan Datin Marilyn (5 dari kiri) bersama ahli jawatankuasa Kelab Kekita dan Persatuan Pewani di wad *Pediatric Oncology*, HUS.

IFDi won gold at IID Johor 2017

By: Corina Joseph

A group of Faculty of Accountancy, UiTM Sarawak lecturers won a gold award at the International Invention, Innovation and Design Competition (IID Johor) held at Amansari Residence Resort, Johor on 9 March 2017. The product exhibited was The Integrity Framework Disclosure Index (IFDi), a system consisting of 50 items developed from the circular issued by the Malaysian Secretary General of the Ministry of Housing and Local Government, western countries public sector integrity framework and observations of twenty Malaysian local authority websites. The system can be used to measure the level of commitment of public sector organizations towards minimizing the unethical conducts using the disclosure practice. This IFDi could be used to indicate the level of integrity in the local authorities, instill positive values among stakeholders and promote ethical conducts among the society members at large as a result of increased awareness benefitted from the disclosure. The project is led by Associate Professor Dr. Corina Joseph and the members are Mariam Rahmat, Tamoi Janggu, Nero Madi and Professor Dr. Nafiah Mohamed. The project is sponsored by the Accounting Research Institute (ARI), a Higher Institution of Centre of Excellence (HiCoE) under the Ministry of Higher Education, Malaysia.



Majlis Penutupan Program WISE

Oleh: Dayang Hummida Abg Abd Rahman,
Shafinaz Lyana Abu Talib dan Fatin Adilah Razali

Unit MASMED UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah melancarkan program *Women in Social Enterprise (WiSE)* yang merupakan salah satu program utama Universiti bersama pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Program ini dijalankan bertujuan untuk mendedahkan konsep dan amalan keusahawanan sosial di dalam diri para peserta. Selain itu, program ini juga dapat membina jaringan usahasama antara pihak Universiti dengan Pihak KPT, komuniti tempatan serta agensi yang terlibat secara langsung, seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Pelajar-pelajar yang terpilih sebagai peserta telah ditempatkan bersama ibu-ibu angkat yang merupakan Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) selama tiga (3) minggu di beberapa buah tempat di sekitar Bandar Mukah. Sepanjang tempoh tersebut, para peserta diberi peluang untuk menimba pengalaman dalam menjalankan urusan perniagaan ibu angkat masing-masing. Pada masa yang sama, mereka juga mengumpul maklumat-maklumat perniagaan yang akan dijadikan sumber kepada penambahbaikan kepada amalan pengurusan perniagaan yang lebih baik.

Peserta-peserta program ini telah diraikan dalam satu majlis penutupan yang telah diadakan pada 11 November 2016 bertempat di UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Antara jemputan kehormat yang hadir adalah Dr. Mohd Azlan Yahya selaku Pengurus Khas Projek WISE, mewakili Unit Keusahawanan, Kementerian Pendidikan Tinggi, KPT yang disambut oleh Penolong Rektor UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, Tuan Hj. Khalik Hj. Ibrahim dan juga turut serta, wakil dari pihak Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) iaitu En. Mohd Syafie Bin Yacob, Pengurus Cawangan AIM Mukah Semua peserta program telah menerima sijil dan sagu hati daripada pihak penganjur dan majlis berakhrir dengan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat yang hadir pada majlis penutupan tersebut.



Peserta bersama sijil masing-masing



Para pelajar bersama ibu dan keluarga angkat masing-masing

Konvensyen dan Majlis Penghargaan WISE 2016

Oleh: Dayang Hummida Binti Abang Abdul Rahman

Kementerian Pendidikan Tinggi, KPT dan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business, Universiti Utara Malaysia, UUM dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia, AIM dan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi terpilih seperti kampus-kampus cawangan Universiti Teknologi MARA, UiTM dan Politeknik seluruh Malaysia telah melaksanakan program *Women in Social Enterprise (WiSE)* sejak beberapa tahun yang lalu. Seperti tahun-tahun sebelumnya, program ini telah diteruskan pada tahun 2016 dan telah pertama kalinya melibatkan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Program ini bertujuan untuk mendedahkan konsep dan amalan keusahawanan sosial di dalam diri para peserta, selain menjalinkan jaringan di antara institusi pendidikan tinggi dan usahawan bumiputera serta komuniti setempat. Program yang dijalankan selama tiga (3) minggu ini dapat memberi kesan positif kepada pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi secara amnya dan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah khususnya.

Dengan majlis penutupan yang telah diadakan pada bulan November yang lepas, sepuluh (10) laporan daripada peserta yang mengambil bahagian telah diajukan kepada pihak penganjur dan dua kajian kes telah disenarai pendek dan terpilih untuk membentangkan hasil kajian mereka di Konvensyen dan Majlis Penghargaan WiSE pada 19 hingga 21 Mei 2017 bertempat di Hotel Pantai Puteri, Melaka. Dua pelajar yang telah disenarai pendek adalah Saudari Nik Khairunnisa Za'aba dan Saudari Suria Shafida Zailani yang dibimbing oleh Puan Dayang Hummida Abg Abd Rahman, selaku penyelia yang mewakili UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah. Pada malam penghargaan majlis tersebut, wakil UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah mendapat tempat kedua dan telah membawa pulang wang tunai bernilai RM750.00 berserta sijil dan piala kemenangan. Pada majlis itu, UiTM Cawangan Perlis telah dinobatkan sebagai pemenang, manakala Politeknik Nilai berada ditempat yang ketiga.


Majlis konvensyen ini telah memberikan peluang yang baik dalam memperkenalkan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah dan mempergiatkan lagi usaha untuk membudayakan keusahawanan di kalangan pelajar. Puan Dayang Hummida juga telah ditemubual dalam satu wawancara program Sembang-sembarang Usahawan Sosial dan ini telah membuka ruang untuk mengetengahkan produk-produk yang diusahakan oleh komuniti tempatan, terutama kaum Melanau yang mempunyai budaya yang sangat unik untuk dikongsikan kepada seluruh dunia. Video tersebut akan disiarkan melalui media sosial Youtube dalam masa terdekat.



UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah di tempat kedua



Pembentangan hasil kajian pada Konvensyen dan Majlis Penghargaan WiSE



Temu-bual dalam program Sembang-sembarang Usahawan Sosial



The 10th Regaseni Art and Design Exhibition

By Ch'ng Looi Chin

Themed as 'Legasi', the exhibition was held successfully for a week at Vivacity Magamall starting on 6 April 2017. The exhibition showcased the Faculty Art and Design undergraduates' final-year projects in UiTM Sarawak. There were 28 exhibitors – 12 from the Diploma of Graphic Design and 16 from the Diploma of Fine Arts. For this edition, Regaseni VX managed to publish the students' work in *Legasi Students' Artwork Book* and it also introduced the *Regaseni Students' Award* to reward outstanding students. Apart from that, various interesting activities such as art market, cosplay show, colouring contest, photography contest exhibition and daily lucky draws for the public were held.

UiTM SARAWAK LADIES' VOLLEYBALL TEAM AT KARISTA 2017

By: Sandra Sim Phek Lin

UiTM Sarawak Ladies' Staff Volleyball team participated in KARISTA 2017 (UiTM Inter-campus Sports' Competition) that was held at UiTM Shah Alam from 29 April until 6 May 2017. The team members are grateful to the Rector of UiTM Sarawak (Professor Dato Dr. Jamil bin Hj. Hamali), KEKITA (Organizing committee: President: Dr. Kamarudin Jarate, Head of Contingent: Ahmad Faizan bin Affandi, Sports' Committee member: Mohd. Farid Assamani bin Mohamed Zainon and Secretary: Zainon bt. Hj. Bibi) and PEWANI for their support in giving the UiTM Sarawak Ladies' Staff volleyball players the opportunity to participate in KARISTA 2017. Special thanks are also accorded to Embam Daud for being a great fan of the ladies' volleyball team as well as for his motivational words and presence in cheering for the team throughout the matches.

The eight volleyball players selected to represent Sarawak team for KARISTA 2017 comprised Associate Professor Dr. Sandra Sim Phek Lin (Team Manager cum Captain), Zainon bt. Hj Bibi, Haritini bt Mahidin, Rasmimi bt. Kasmin, Napsiah bt Putit, Asfalaila bt. Ibrahim, Suhaida bt. Halamy and Nur Azyati Nasrin Joanas Abdullah. Despite the busy work schedule of most players and the pouring rain during most of the afternoons, the volleyball players made steadfast sacrifices to train under drizzles at the open volleyball court at UiTM Sarawak. Indoor volleyball court was also rented for practice during night time. In preparation for KARISTA, they also had friendly matches with UiTM Sarawak students' volleyball team and also with outside teams.

During KARISTA 2017, Sarawak volleyball team topped the Group A matches, beating Perlis (3:1) and Kedah (2:0). In the quarter final match, Sarawak players powered their way to beat Selangor in straight sets (2:0) to book their semi-final berth. In the semi-final match, Shah Alam players had to sweat out to win against Sarawak with a score of 2:0. The Shah Alam team had the added advantage of playing at night on their home ground. Nevertheless, the Sarawak Ladies' Staff Volleyball team secured the third place with a bronze medal. Despite the defeat in the semi-final, many officials and spectators applauded the efforts, determination and good performance displayed by the Sarawak players.



Sarawak team in action against Perlis



Sarawak Ladies' Volleyball Team with their bronze medal



Sarawak and Selangor teams after the match

Diploma of Aquaculture - Inaugural Intake

By: Margaret Chan Kit Yok

Universiti Teknologi MARA, Mukah Campus enlisted its inaugural intake of students comprising 15 students for the Diploma of Aquaculture in the June 2017 semester. The infrastructure under the Faculty of Plantation and Agrotechnology was completed in 2015 under the private financial initiative concept. The 10 ponds, reservoir, hatchery and aquaculture centre have been designed as the nerve centre for transferring knowledge in both technical and management skills for both upstream and downstream aquaculture industry. By the end of 2016, the acquisition of equipment and instruments was almost completed.

Sekali lagi tarikh 21, 22 dan 23 Februari 2017 menyaksikan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Sarawak berjaya menganjurkan Hari Mesra Pelanggan PTAR Sarawak 2017. Hari Mesra Pelanggan PTAR Sarawak 2017 ini dikelolakan oleh staf Perpustakaan dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Antarabangsa UiTM Sarawak telah diisi dengan berbagai program, pameran dan aktiviti bersama pengunjung.

Objektif utama penganjuran Hari Mesra Pelanggan PTAR Sarawak 2017 adalah untuk memberi pendedahan kepada pengunjung akan peranan serta perkhidmatan yang disediakan oleh PTAR khususnya kepada para pelajar dan masyarakat luar amnya.

Antara aktiviti yang dijalankan pada hari tersebut adalah pameran koleksi-koleksi Perpustakaan, pameran daripada agensi-agensi luar seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Unit Kesihatan UiTM Cawangan Sarawak yang turut mengadakan sesi pemeriksaan kesihatan menambah lagi kemeriahan program ini. Permainan dalaman seperti karom, dart, batu seremban, jengkek serta Go Goal turut diadakan pada hari tersebut.

Program ini dirasmikan oleh YB Puan Rubiah Bt Haji Wang, Ahli Parlimen Kota Samarahan dan diiringi PM Hajah Rasidah Bt Haji Mahdi, Timbalan Rektor (Unit Penyelidikan dan Jaringan Industri dan Alumni) UiTM Cawangan Sarawak. Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Sarawak, Puan Norhayati Bt Ismail, Timbalan Pendaftar Kanan, Encik Nor Amiruddin Bin Mokhtaruddin, Ketua Unit Kesihatan UiTM Cawangan Sarawak, Dr. Kamarudin Bin Jara'ee, para pensyarah serta pelajar.



BENGGKEL WEKA - JABATAN SAINS MATEMATIK 2017

Oleh: Juliza Salleh

Jabatan Sains Matematik telah mengadakan Bengkel WEKA (*Waikato Environment for Knowledge Analysis*) pada hari Jumaat 24 Mac 2017 yang lalu bertempat di makmal komputer C2004 Kampus Samrahan 2. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Dr. Stephanie Chua Hui Li, pensyarah kanan dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, UNIMAS.

Weka adalah perisian yang dibangunkan oleh *Machine Learning Group* di University of Waikato, New Zealand. Perisian Weka ini dikhususkan untuk perlombongan data (*data mining*) di mana ia merupakan satu bidang yang telah berkembang hasil daripada maklumat dan data yang semakin bertambah. Melalui bengkel ini, para peserta didedahkan bagaimana untuk mendapatkan pengetahuan tertentu daripada maklumat yang ada dan aplikasi perlombongan data. Bengkel ini telah dibahagikan kepada dua sesi, pagi dan petang. Pada sesi pagi, penceramah berkongsi dan menerangkan konsep *data mining* serta aplikasinya menggunakan perisian Weka. Pada sesi petang pula, para peserta dibimbing untuk menganalisis data masing-masing menggunakan perisian Weka. Seramai 19 orang pensyarah telah turut serta menjayakan bengkel ini. Bengkel telah tamat pada 4.30 petang dan diakhiri dengan jamuan ringan.



BENGGKEL PENGUCAPAN AWAM

Oleh: Leviana Andrew

Pelajar Semester 2 Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat (BM118) telah menganjurkan Bengkel Pengucapan Awam pada 11 Februari 2017 (Sabtu) yang lalu. Ianya adalah aktiviti tambahan luar kelas bagi kursus Bahasa Melayu Pengurusan Sistem Pejabat (BBM110) yang diambil oleh pelajar-pelajar Semester 2. Di antara objektif bengkel tersebut adalah untuk membentuk individu menguasai kemahiran pengucapan awam, mengatasi kegugupan dan meningkatkan keyakinan diri. Bengkel tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian: pengenalan kepada Pengucapan Awam, "Stage Presence", dan latihan dalam kumpulan.

Seramai 92 orang pelajar telah menyertai bengkel yang telah dikendalikan sepenuhnya oleh penceramah jemputan iaitu Encik Hazis bin Wahab, Penolong Pegawai Kebudayaan UiTM Cawangan Sarawak yang berpengalaman lebih 10 tahun di dalam bidang teater dan pengacaraan majlis. Turut membantu sebagai fasilitator dalam sesi latihan dalam kumpulan adalah 10 orang pelajar daripada Public Speaking (HPD221).

Majlis berakhir dengan sesi penyampaian cenderahati dan sijil penyertaan kepada semua peserta dan hadiah khas kepada Pelajar Paling Berdedikasi (Iza Mardiana Abdullah), Peserta Paling Sporting (Kamarul bin Mohamad) dan Peserta Paling Diva (Abdul Fattah bin Bolhanuddin). Beberapa orang pelajar juga telah dikenalpasti mempunyai potensi untuk dibawa ke pertandingan pengucapan awam.

Terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Berusaha Puan Norzaihan binti Hashim, Ketua Pusat Pengajian Pengurusan dan Perniagaan serta Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2 di atas sokongan padu yang diberikan terhadap program pembangunan pelajar bagi program Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat (BM118).



Sesi "Pengenalan kepada Pengucapan Awam"



Sesi "Stage Presence" - improvisation



Sesi pembentangan "Salesman" dan Pengacara Majlis

Aktiviti Team Building D'PLANTERS

Oleh: Suraiya binti Mahdian



Antara aktiviti *team building* di Kem Belia Mukah



Sesi bergambar bersama para peserta



Ucapan perasmian oleh Encik Muhamad Syukrie bin Haji Abu Talip

Program Persatuan D'Planters yang kedua merupakan aktiviti *Team Building* yang diwajibkan bagi semua pelajar baru, iaitu pelajar semester satu. Program ini telah berlangsung selama 3 hari 2 malam bermula 6 hingga 8 Januari 2017 di Kem Belia Mukah dan telah dianjurkan oleh pelajar semester lima dari program Diploma Pengurusan Ladang. Seramai 63 orang peserta telah turut serta dalam program ini yang turut dihadiri oleh para pensyarah dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pusat Pengajian Sains dan Teknologi iaitu Encik Muhamad Syukrie bin Haji Abu Talip. Antara objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar baru tentang program Diploma Pengurusan Ladang di samping meningkatkan jati diri peserta dan mengukuhkan lagi kerjasama berpasukan di kalangan peserta.

Kem Motivasi dan Pemantapan Akademik D'PLANTERS

Oleh: Suraiya binti Mahdian

Kem Motivasi dan Pemantapan Akademik Pelajar anjuran pelajar semester empat program Diploma Pengurusan Ladang turut dijalankan pada semester yang lepas. Program ini telah berlangsung pada 25 Februari 2017 di Dewan Sri Balau UiTM Mukah. Antara intipati program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai persediaan dari segi mental dan fizikal sebelum menempuhi alam pekerjaan, memupuk sikap toleransi dan kerjasama berpasukan di kalangan peserta, serta memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pengurusan sesuatu aktiviti. Encik Abdul Manan bin Busrah telah dijemput sebagai alumni jemputan untuk berkongsi serba sedikit pengalaman beliau melalui sesi '*Planters Talk*'. Program ini telah disertai oleh 247 orang peserta dan turut dihadiri oleh para pensyarah dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi.



Aktiviti zumba semasa kem motivasi



Aktiviti yang memerlukan ketajaman mental

Mesyuarat Umum Dwi Tahunan Ke-32 D'PLANTERS

Oleh: Suraiya binti Mahdian

Pada 20 Disember 2016, telah berlangsung Mesyuarat Umum Dwi Tahunan yang ke-32 bagi Persatuan D'Planters' Guild UiTM Sarawak di Dewan Kuliah Judan UiTM Mukah. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua ahli persatuan dan juga para pensyarah dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi serta turut dihadiri oleh tetamu kehormat iaitu Encik Mohamad Musa bin Bohari selaku Ketua Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan. Program ini telah bermula pada jam 7.30 petang dan berakhir pada jam 10.30 malam. Objektif utama program ini adalah untuk membuang undi bagi perlantikan baru Majlis Tertinggi Persatuan D'Planters' Guild sesi 2016/2017, di samping untuk memperkenalkan pelajar-pelajar baru iaitu pelajar semester satu. Antara intipati lain program ini adalah pembentangan aktiviti-aktiviti semester lepas, pembentangan bajet aktiviti-aktiviti semester lepas, dan pembentangan aktiviti-aktiviti yang bakal diadakan pada semester semasa.



Sesi bergambar bersama para peserta



Ucapan perasmian oleh Encik Mohamad Musa bin Bohari selaku Ketua Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan



Proses pembuangan undi bagi perlantikan Majlis Tertinggi D'Planters

Malam Apresiasi Pelajar Fakulti Perladangan dan Agroteknologi

Oleh: Suraiya binti Mahdian



Sesi bergambar bersama pelajar FPA



Meja tetamu kehormat



Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Terbaik Kokurikulum

Program terakhir yang telah dianjurkan oleh persatuan D'Planters pada semester lepas adalah Malam Apresiasi Pelajar Fakulti Perladangan dan Agroteknologi yang telah berlangsung pada 26 Februari 2017, jam 7.00 hingga 11.00 malam di Kingwood Resort Mukah. Objektif utama program ini adalah untuk memberi penghargaan kepada pelajar-pelajar Diploma Pengurusan Ladang yang telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan akhir semester yang lepas. Tiga anugerah khas telah disampaikan iaitu Anugerah Pelajar Terbaik Akademik, Anugerah Pelajar Terbaik Kokurikulum dan Anugerah Pelajar Berpotensi Cemerlang. Di samping itu, program ini juga merupakan majlis perpisahan bagi pelajar semester 5 yang bakal menjalani latihan industri dan menamatkan pelajaran. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Encik Mohamad Musa bin Bohari dan turut dihadiri oleh staf UiTM Mukah.

Sukan Terbuka D'PLANTERS

Oleh: Suraiya binti Mahdian

Karnival Sukan Terbuka D'Planters merupakan program ketiga persatuan D'Planters yang dianjurkan oleh pelajar semester dua program Diploma Pengurusan Ladang. Karnival yang turut melibatkan pelajar dari Politeknik Mukah ini telah julung kalinya diadakan di kampus ini dan telah berlangsung selama dua hari iaitu pada 11 dan 12 Februari 2017 di Padang Futsal dan Tennis UiTM Kampus Mukah. Antara objektif karnival ini adalah untuk menggalakkan para pelajar untuk bergiat aktif dalam sukan di samping memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai prosedur penganjuran sesuatu aktiviti. Karnival ini telah dirasmikan oleh Penolong Rektor UiTM Kampus Mukah, Tuan Haji Khalik bin Haji Ibrahim dan telah ditangguhkan oleh Ketua Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Encik Mohamad Musa bin Bohari. Karnival ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari kedua-dua institusi dengan penyertaan melebihi 200 orang peserta. Antara sukan yang telah dianjurkan adalah jogathon, bola tampar, bola beracun dan futsal.



Sesi bergambar bersama para peserta sukan



Simbolik perasmian karnival sukan terbuka



Pelepasan acara jogathon oleh Encik Muhamad Syukrie bin Haji Abu Talip, Ketua Pusat Pengajian Sains dan Teknologi

Lawatan Mesra Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Kuching, Sarawak

Oleh: Zuraida Abdul Karim

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2 telah menerima kunjungan daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Politeknik Kuching Sarawak pada 24 Februari 2017 yang lalu. Kunjungan ini bertujuan untuk melengkapkan program diskusi MPP Politeknik Kuching Sarawak bersama MPP UiTM Sarawak.



Language Society Games

By Ch'ng Looi Chin



The Language Society organized the Language Society Games at Samarahan campus 1 on 4 March 2017 to promote the use of English and Mandarin among students. The event started with students and lecturers from both Samarahan campus 1 and 2 having fun with zumba. After that, the students joined the activity that they had registered such as Running Man Explorace, Don't Spell it Wrong or Mandarin Language Games.

Among the activities, "Running Man Explorace" was the most exhausting game which required both physical and mental fitnesses for the participants to complete the 10-station game around Samarahan campus 1. All 10 groups of 3 students who participated in the game found the game meaningful especially for students from Campus 2 who familiarized themselves with campus 1 surrounding while playing the game.

Even though students participating in "Don't Spell it Wrong" found the game a bit challenging, they enjoyed it and gained a lot of benefits as they learnt the spelling and meaning of words. Some students were surprised when they found out the actual spelling of the words. It was a good platform for them to recognize the spelling and the meaning of words to enable them to perform and express themselves better. As for the Mandarin Language Games,

the laughter that was heard from next door was more than enough to tell how fun the games were. The students were ecstatic as they could learn more Mandarin words and phrases while playing the games.

The event was carried out successfully with the collaboration of the lecturers and students in the Language Society Committee.

Pertandingan Poster Mandarin dan Pertandingan Gaya Tulisan Tangan Cina

Oleh : Ting Hie Ling


Pertandingan Poster Mandarin dan Pertandingan Gaya Tulisan Tangan Cina yang bertemakan Tahun Baru Cina dan Chap Goh Mei telah diadakan pada 11 Februari 2017 yang lalu di Dewan Kuliah Tellian dan Bilik Seminar Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Sarawak, Kampus Mukah. Kedua-dua pertandingan ini diadakan bertujuan untuk memupuk minat pelajar untuk belajar Bahasa Mandarin dan menulis karakter Cina serta melahirkan sikap inisiatif di kalangan pelajar untuk mempelajari Bahasa Mandarin. Selain itu, pertandingan ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk menghayati kebudayaan Cina dan kesenian tulisan Bahasa Mandarin.

Aktiviti tersebut telah berlangsung dari pukul 8 pagi hingga pukul 1 petang. Aktiviti tersebut dimulakan dengan pembentangan poster Mandarin di Dewan Kuliah Tellian. Seramai 140 pelajar telah terlibat dalam aktiviti ini. Johan pertandingan poster Mandarin disandang oleh kumpulan pelajar Program Diploma Pengajian Perbankan (BM119) manakala johan pertandingan Gaya Tulisan Tangan Cina disandang oleh Velentina Alfiraa anak Linang, juga pelajar Program Diploma Pengajian Perbankan (BM119).

Upacara perasmian dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Tuan Haji Khalik bin Hj Ibrahim, Penolong Rektor UiTM Sarawak Campus Mukah dengan iringan Ketua Pusat Pengajian, Encik Mohamad Musa bin Bohari dan pensyarah Bahasa Mandarin, Cik Ting Hie Ling. Persembahan-persembahan yang menarik seperti nyanyian berkumpulan oleh pelajar program Diploma Pengajian Perniagaan (BM111), dikir barat Mandarin oleh pelajar Diploma Pengajian Perbankan (BM119) serta tarian moden telah dipersembahkan semasa aktiviti ini.



By: Frannelya Francis



NUSAS (Diploma of Nursing, Faculty of Health Sciences) haunted hospital project named Conjuring Hospital 2 was held from 9 to 10 January 2017 in Blok E, Nursing Skills Laboratory. This project never fails to attract the crowd from both campuses. Excited and thrilled, the participants queued up as early as 6.00 p.m. till 10.00 p.m. to participate in the journey of a haunted hospital. With RM3 per entrance ticket, this project successfully attracted at least 1000 students. The conjuring props were used both inside and outside the venue, making it scarier with the main lights off and only lights emitted from the smartphones leading the way. A photo booth corner was set up to allow students to capture their moments with the casts after the thrilling journey. Many positive feedbacks were received via social media and extra incomes from the ticket selling were generated to fund the upcoming annual NUSAS dinner and future activities. This project had successfully achieved its objective of providing a healthy platform for the students to release stress, build up great teamwork and apply entrepreneurship skills to generate income for NUSAS. Thank you for the continuous support and see you at the next Conjuring Hospital 3.0!

UiTM Sarawak Conjuring Campus Project

By: Frannelya Francis

In conjunction with the 86th UiTM Convocation Ceremony, NUSAS (Diploma of Nursing, Faculty of Health Sciences) in collaboration with the Students' Affairs Division UiTM Sarawak organized the very first project of a conjuring campus with the theme 'They lived amongst us'. This Conjuring Campus was open to the public on 3 and 4 May 2017 at Bilik Persatuan HEP, UiTM Sarawak, Samarahan Campus with an entrance ticket of RM3 each. The public came from as far as Polytechnic College and Community College in Kuching and around Kota Samarahan areas to participate. The response was good with lots of positive feedback written on the colored papers given to them after their encounter with the casts in the room. Many requested to have it again in the coming convocation as they had real fun, horror and thrill upon entering the room. Thank you for the positive feedbacks and support and we hope to see you all again at the next Conjuring Campus project!



Latihan Penggunaan Mesin Pengimbas (E-SCAN Open System)

Oleh: Zuraida Abdul Karim

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak telah menganjurkan Latihan Penggunaan Mesin Pengimbas (E-Scan Open System) pada 7 dan 8 Februari 2017 yang lepas bertempat di Ruang Pejabat AM PTAR Kampus Samarahan 2. Encik Zainudin Zakaria dari Impiana Digital Sdn Bhd telah dijemput sebagai fasilitator dan telah dihadiri oleh semua staf Unit Perkhidmatan Maklumat (UPM), Unit Arkib (UA), Unit Sokongan dan Penyelidikan (USP), dan Unit Jurnal dan Pangkalan Data (UJPD).



NUSAS AWARD AND APPRECIATION DINNER 2017

By: Frannelya Francis



The first NUSAS Award and Appreciation Dinner for the Diploma of Nursing (HS110) was held on 21 January 2017 at the Banquet Restaurant, Kuching. The concept of giving out the awards at the appreciation dinner was different from that of previous dinners. This year's dinner was held to celebrate the students' successful achievements of obtaining Grade Point Average (GPA) of 3.50 and above in the final examination in the previous semesters. The Dean's Awards were presented to 44 recipients and 3 recipients namely Miss Valerie Daniela, Miss Abrieldrin Angel and Miss Sh. Aishah bt Morni from Semester 1, 3 and 5 respectively received the Best Student Award. Interestingly, all the three best students were mentored under the same Academic Advisor, Madam Dorothy Kulai who was awarded the Best Academic Advisor during the dinner. The theme of the dinner 'Scarfs in Bollywood' showcased the students and guests wearing traditional Indian and Punjabi costume, unique dance performances as well as singing and playing of different types of musical instruments. The dinner was officiated by *Ketua Pusat Pengajian (KPP)*, Miss Norazlin Abdullah who later announced her retirement as KPP with effect from 1 February 2017 after which the new KPP, Dr Abdul Rahman Sali would take over. The dinner, which also celebrated our KPP's retirement and contribution, awarded her with the title of the 'Most Inspiring Lecturer'. The other nursing lecturers and assistant lecturers were also awarded with different titles such as 'The Most Sporting Lecturer', 'The Sweetest Lecturer', 'The Coolest Lecturer' and so on. During the dinner, the previous NUSAS board was dissolved and new NUSAS board members were welcomed. The guests were entertained with movie presentation, gift presentation, choir singing, lucky draws and finally the crowning of the *Mr. Khan* and *Ms. Kajol* of the Night won by Mr. Venaldy Suzario and Ms. Vannessa Vincent respectively. Everyone enjoyed the evening.

Program Pemantapan Akademik Pelajar Kejururawatan (HS110)

Oleh: Frannelya Francis

Program Pemantapan Akademik Pelajar Kejururawatan HS110 telah diadakan buat julung-julung kalinya pada 11 Februari 2017 bertempat di Auditorium 2, Blok K, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan. Seramai 54 orang pelajar dan 4 orang pensyarah terlibat dalam program tersebut.

Program ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pelajar tentang mengurus masa dengan betul dan efektif selain dari menentengahkan ciri-ciri untuk menjadi pelajar cemerlang. Pelajar juga didedahkan tentang pentingnya menentukan matlamat hidup serta merangka perancangan untuk mencapai matlamat dengan mengaplikasikan cara-cara untuk menjadi pelajar cemerlang. Seterusnya, pelajar juga dapat memahami dan menggunakan konsep "*Law of Attraction*" untuk mencapai cita-cita yang diimpikan.



Penceramah jemputan terdiri daripada pensyarah dari Fakulti Sains Kesihatan dan Fakulti Sains Sukan. Ceramah "*Disiplin dan Teknik Pengurusan Masa*"; "*Pembentukan Pelajar Cemerlang*" dan "*Law of Attraction & Positive Thinking*"; masing-masing disampaikan oleh Puan Dorothy Kulai, Cik Adjullea James dan Encik Suhardi Kramtelah berjaya menarik minat pelajar serta memotivasikan diri mereka untuk mencapai kejayaan. Para pelajar menjadi lebih bersemangat selepas program tersebut dan berikrar untuk lebih memajukan diri dan sentiasa berfikiran serta bersikap positif dalam pelajaran mereka.





Educational Excursion to Bac Ninh Sport University, Vietnam

Oleh:
Norazlin Abdullah
Theresa Ahing
Mohammad Hariff Bin Ramlan



Educational Excursion To Bac Ninh, Vietnam merupakan program lawatan sambil belajar yang dianjurkan oleh pelajar semester 4 Sarjana Muda Sains Sukan, UiTM Cawangan Sarawak pada 25 Feb 2017 sehingga 2 Mac 2017. Program ini merupakan satu alternatif untuk mendedahkan peserta kepada aplikasi teknologi peralatan makmal dalam menganalisis respons akut dan kronik sistem badan terhadap latihan fizikal dan fungsi fisiologi badan manusia. Selain itu, peserta juga

mendapat maklumat mengenai kaedah dan teknologi dalam menganalisis daya ketumpatan tulang, fungsi ujian paru-paru dan lain-lain lagi.

Program seumpama ini memberi peluang kepada peserta untuk memahami dan mengenalpasti jenis peralatan standard yang digunakan dalam ujian fisiologi dan ujian penilaian terhadap prestasi atlit.

Institute of Sport Science and Technology, Bac Ninh Sport University, Vietnam telah

memberi peluang kepada peserta untuk mengendalikan peralatan serta memberi penerangan berkenaan peralatan tersebut.

Selain menimba ilmu, objektif lawatan ini bertujuan melahirkan pelajar yang berdaya saing, dinamik serta meningkatkan kualiti kebolehpasaran graduan setelah tamat pengajian kelak seiring dengan perkembangan teknologi dalam sukan masa kini.



Lawatan Akademik ke Taman Negara Bako

Oleh: Suraiya binti Mahdian



Program Lawatan Akademik ke Taman Negara Bako merupakan lawatan akademik bagi kursus AGR251-Pengurusan Tanah Bermasalah. Lawatan ini melibatkan pelajar program Diploma Pengurusan Ladang UiTM Mukah yang mendaftar untuk kursus ini. Lawatan akademik ini telah dijalankan pada 2 hingga 5 Mac 2017 yang disertai oleh 25 orang pelajar dari kumpulan AT1104B; manakala pada 17 hingga 20 April 2017, lawatan ini telah disertai oleh 15 orang pelajar dari kumpulan AT1104A dan 24 orang pelajar dari kumpulan AT1104C. Lawatan ini telah diiringi oleh dua orang pegawai pengiring iaitu Puan Suraiya binti Mahdian yang merupakan pensyarah bagi kursus ini dan Encik Azizu Sotekh bin Ali yang juga merupakan pensyarah di UiTM.

Program ini merupakan keperluan yang terkandung di dalam silibus bagi kursus AGR251-Pengurusan Tanah Bermasalah yang memperuntukkan 10% daripada markah penilaian keseluruhan. Objektif utama program ini adalah untuk mendedahkan para pelajar tentang proses pembentukan hakisan tanah serta pengelasan bagi tanah-tanah bermasalah yang terdapat di Taman Negara Bako.

Secara kesimpulannya, lawatan ini telah berjaya mencapai objektif dan matlamat yang telah digariskan, di mana para pelajar dapat mengaplikasikan apa yang telah dipelajari sewaktu di dalam kelas dengan keadaan sebenar sebagai contoh, membezakan jenis-jenis tanah dan hakisan tanah, punca yang menyebabkan berlakunya hakisan tanah serta kesannya terhadap ekosistem di Taman Negara Bako, mengenalpasti jenis-jenis mineral yang terdapat di dalam tanah dan membuat pengelasan tanah bagi kawasan Taman Negara Bako berdasarkan ciri-ciri yang dikaji dan diperolehi sepanjang aktiviti ini berjalan. Keseluruhannya, program seperti ini harus diteruskan pada masa akan datang kerana ia mampu membantu dan meningkatkan kefahaman para pelajar bagi kursus ini.




Majlis Pelepasan Pro DR Roadshow oleh YB Datuk Len Talip Salleh pada 15 Mac 2017 di DUN, Kuching.



Project of

DREAMS REALIZED ROADSHOW (PRO DR). PAMERAN PENDIDIKAN & KERJAYA

By: Ardiana Mazwa Raudah



Program Pro DR Roadshow merupakan program jelajah misi akademik dan kerjaya yang telah dianjurkan oleh Tabung Ekonomi Gagasan Anak Bumiputera Sarawak (TEGAS) selama 17 hari bermula pada 15 sehingga 31 Mac 2017.

Sebanyak 10 lokasi telah dipilih iaitu Sri Aman, Betong, Saratok, Sarikei, Sibul, Mukah, Bintulu, Miri, Limbang dan Lawas dengan disertai oleh 42 buah institusi pendidikan yang terdiri daripada IPTA, IPTS, kolej-kolej bersekutu, agensi-agensi bantuan kewangan pendidikan, biasiswa, serta beberapa agensi pekerjaan. UiTM Cawangan Sarawak turut menyertai roadshow ini yang diwakili oleh Cik Mursyidah Zainal Abidin pensyarah Fakulti Seni Lukis & Seni Reka dan Cik Suhaida Halamy yang merupakan pensyarah Fakulti Teknologi Pengurusan Maklumat.

Program Pro DR ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Len Talip Salleh, Menteri Muda Pembangunan Modal Insan dan Latihan Negeri Sarawak di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuching pada 15 Mac 2017 sebelum perjalanan bermula dengan menaiki dua buah bas.

Booth UiTM sememangnya menjadi tumpuan calon-calon pelajar serta ibubapa di setiap lokasi yang diadakan bagi mendapatkan maklumat serta khidmat nasihat berkaitan bidang yang ditawarkan di UiTM. Anggaran pelawat yang datang ke kaunter UiTM adalah tidak kurang daripada 70 orang di setiap lokasi.

Roadshow yang berlangsung selama 17 hari ini telah berjaya mendekati masyarakat terutamanya di kawasan pedalaman bagi meningkatkan kesedaran mereka akan kepentingan pendidikan.



LOKASI 1: SRI AMAN Hotel Sri Simanggang (16 Mac 2017)

Lokasi 1: Hotel Sri Simanggang, Sri Aman.
Bergambar bersama YB Encik Snowdan Lawan
(Ahli DUN Sarawak, Balai Ringin)

Antara institusi dan agensi yang turut terlibat
dengan Projek PRO DR Roadshow

LOKASI 2: BETONG Dewan Panglima Rentap (17 Mac 2017)

Lokasi 2: Dewan Suarah Panglima Rentap

Antara pengunjung di kaunter
UiTM cawangan Sarawak



LOKASI 3: SARATOK
Dewan Masyarakat Sri Krian (18 Mac 2017)



Lokasi 3: Lawatan dari pelajar serta guru sekolah-sekolah sekitar Saratok.

LOKASI 4: SARIKEI
Dewan Suarah (20 Mac 2017)



Lokasi 4: Antara lokasi yang paling ramai pengunjung ke kaunter UiTM. Ini kerana di daerah Sarikei ini mempunyai banyak sekolah. Keputusan SPM calon-calon pelajar di sini juga sangat memuaskan dan baik.

LOKASI 5: SIBU
RH Hotel (21 Mac 2017)



Lokasi 5: Pengunjung di lokasi Sibu juga sangat memberangsangkan. Antara calon yang hadir adalah dari daerah Song, Kapit, Kanowit serta Daro.

LOKASI 6: MUKAH
Ruang Legar Hotel Medan (23 Mac 2017)



Lokasi 6: Kaunter diadakan di ruang legar bangunan niaga. Antara lokasi yang kurang sesuai kerana panas, sempit serta tidak kondusif.

LOKASI 7: BINTULU
Promenade Hotel (25 Mac 2017)



Lokasi 7: Antara lokasi yang mempunyai pengunjung yang ramai

LOKASI 8: MIRI
Permaisuri Mall (27 Mac 2017)



Lokasi 8 : Lokasi yang mempunyai pengunjung yang ramai. Masa pameran juga lebih lama bermula dari 10 pagi hingga 10 malam.

LOKASI 9: LIMBANG
Hotel Purnama (29 Mac 2017)



Lokasi 9 : Sambutan pengunjung dari kawasan Limbang juga sangat baik.

LOKASI 10: LAWAS
Hotel Sri Malaysia (30 Mac 2017)



Lokasi 10 : Lokasi terakhir di kawasan Lawas, juga mempunyai pengunjung yang memuaskan dari sekolah-sekolah sekitar serta penduduk tempatan.

OSYS CHARITY CONCERT

By: Habel bin Zakariah & Raz Adibah binti Abdul Razak



Mr Habel (from left), Raz Adibah, and Ms Gen at SCCS



After Osys Concert with Sccs team

On 20 April 2017, a Charity Concert Night, which was organized by the Office Systems Society members at Dewan Kuliah 1 Universiti Teknologi Mara Sarawak Samrahan 1 campus, attracted students from other courses to support cancer patients.

The project manager, Raz Adibah came up with the idea of a concert to raise funds for Sarawak Children's Cancer Society (SCCS). From the sale of 150 tickets, RM750 was raised.

In Sarawak, one child is diagnosed with cancer every five days and 50 children in the state are diagnosed with cancer every year. The objectives of the concert were to highlight the types of cancer that largely affect children and survivorship issues and more importantly to help raise funds.

OSYS also had Charity Sales from 17 to 18 April 2017 and from 19 to 20 April 2017 at Youth Floor campus 1 and Youth Floor campus 2 respectively. During the four-day sales, they collected RM714. The charity sales were supported by students and lecturers.

On 20 April 2017 at 8:00p.m, Ms Genevieve Tan from SCCS and 6 cancer survivors attended the charity concert. Rafie and Norin shared their past experiences on their struggles with cancer and their recovery. Ms Gen also gave a talk on SCCS activities.

StepHolic and SoundHolic as special guests got the most fans. Performers from Office systems managements and other courses such as Wana, Hanis, Dzarul, Faiz, Goldenn band, and The Awkward Chemistry did their best. Students, who were provided with glow-sticks, enjoyed the two-hour concert.

On 26 April 2017, Raz the project manager, Mr Habel as OSYS advisor and Yassir visited SCCS to hand over the funds collected at the Charity Concert. At the meeting, Ms Gen told them that she had an idea of having a GoBald event in UiTM. Ms Gen also gave them certificates of appreciation hoping that SCCS will be the beneficiary again in future.

Program Lawatan Akademik ke Zoo Negara dan Taman Rama-Rama, Kuala Lumpur

Oleh: Yahutazi bin Haji Chik dan Benedict Rivai Henry



Perkembangan minda seseorang berkait rapat dengan percambahan pengetahuan sama ada yang diperolehi secara formal ataupun tidak formal. Jauh perjalanan menjadikan pengetahuan pelajar luas dan berkembang. Lawatan akademik merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran pelajar bagi meluaskan lagi pengetahuan mereka.

Justeru, seramai 21 orang pelajar semester empat (4) Diploma Pengurusan Ladang, Fakulti Perladangan & Agroteknologi, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah serta seorang pegawai pengiring telah mengadakan lawatan akademik dari 21 hingga 24 April 2017 bagi melengkapkan proses pembelajaran untuk kod kursus AGR254 – Entomologi, di mana ilmu yang diperolehi dalam bilik kuliah dapat dipraktikkan di dalam dunia sebenar di samping memupuk kesedaran berkaitan kepentingan serangga terhadap aspek kehidupan manusia terutamanya aspek pertanian dan persekitaran melalui lawatan akademik di Taman Rama-Rama, Kuala Lumpur. Di samping itu, ianya juga memberikan pendedahan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan yang semakin pupus disebabkan kemajuan dan kemodenan serta hambatan dari segi keperluan sektor perladangan negara terutamanya lawatan yang telah diadakan di Zoo Negara, Kuala Lumpur.

Di samping memupuk kesedaran tentang spesis terancam dan kepentingan serangga kepada kehidupan manusia, program lawatan akademik ini juga mengasah bakat kepimpinan pelajar dalam mengendalikan dan menguruskan sesuatu program kerana program lawatan ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar-pelajar kumpulan AT1104C Diploma Pengurusan Ladang dengan bimbingan dan nasihat daripada pegawai pengiring. Sebagai tanda penghargaan dan terima kasih, pihak penganjur ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Sarawak di atas kelulusan pembiayaan lawatan akademik ini melalui Tabung Pembangunan Akademik (TAPA). Di samping itu juga, pihak penganjur juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Unit Kenderaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM Shah Alam di atas kemudahan pengangkutan yang telah disediakan. Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada semua pelajar yang telah menyertai lawatan akademik ini kerana telah memberikan kerjasama dan disiplin yang sangat baik di sepanjang lawatan akademik diadakan. Semoga program lawatan akademik sebegini dapat diteruskan di masa-masa mendatang serta memberikan pengalaman yang berguna kepada pelajar.

The BHUTAN Diary

-the Land of the Thunder Dragon

By: Margaret Chan Kit Yok

A working visit to Bhutan at the invitation of Samtse College of Education, Royal University of Bhutan from 18 to 25 April 2017 was undertaken by Professor Dato Dr. Jamil Hamali, Rector of UiTM Sarawak, Associate Professor Dr. Margaret Chan, the regional representative of the International Organisation for Science and Technology Education for South East Asia (IOSTE) and Associate Professor Dr. Ling Siew Eng, a member of IOSTE.

Bhutan is a small landlocked Himalayan country with fewer than one million inhabitants guided by the Gross National Happiness (GNH) which expresses a shift in consciousness regarding how Bhutanese strike a balance between material and non-material values, prioritizing the happiness and well-being of humans and all life. Arriving in spring, considered as the most beautiful time of the year, when the valleys are green with fresh vegetation and fruit trees blossoming amidst the mountainous landscape, it was indeed an unforgettable experience. Traditional architecture remains alive in Bhutan. The Bhutanese wear their national dress throughout the day. For men is the gho, a knee-length robe tied at the waist by a cloth belt known as kera. For the women, the kira is an ankle-length dress consisting of a rectangular piece of woven fabric, wrapped and folded around the body and is pinned at both shoulders usually with silver brooches and bound at the waist with a long belt. It is usually worn with a wonju (long-sleeved blouse) inside a short jacket or toego.

We departed Kuching on 17 April 2017 with an overnight stay in Singapore. The Drukair flight left at 6.30 am taking 6 hours to Paro with a transit at Kolkata, India on 18 April. A Khada or welcome scarf was presented by Assistant Professor Dr. Kinley, the liaison lecturer from Samtse Education College (SCE) to each of us upon our arrival at Paro International Airport. From Paro to Thimphu, the capital of Bhutan, there were some impatient moments as there were road blocks due to the arrival of the Prime Minister of Bangladesh on her official visit to Bhutan. The usual two hours over 65 km took more than four hours. The security was tight in the capital. However, there was some consolation in being given a warm flag welcome by the school children lining along the road. Having settled the immigration permits in the late afternoon, it was an early night sleep for an early departure to Samtse.

On 19 April, we travelled from Thimphu to Samtse which took 12 hours covering 247 km. On arrival at Samtse Campus, there was another welcoming reception and presentation of Khada before being shown to the Guest House. After that, we joined President Dorji Thinley, Deans, Centre Head and Programme Leaders for a reception dinner at the Guest house.

On 20 April, there were introductory meeting and discussion with presentations by the President and Dato Rector. Areas of opportunities for SCE such as participation at the first International Conference on Drones and International Conference on Traditional Knowledge, partnership in Biohead Netizen Project, faculty exchange and student exchange were highlighted while SCE President mentioned the possibility of a UiTM faculty in the development of Social Work programme. A discussion was also made regarding the MoU. This was later followed by a presentation of cultural items using traditional musical instruments by Mr. Johan Westman and his students at Lu-Rig Centre for Music Education and Research.

Professional Learning Series (PLs)

In the afternoon, Associate Professor Dr. Ling Siew Eng conducted PLs on Applied Statistics at the Heritage Centre for CIMITE, CISER, M. Ed Tutors, PgDE students, and interested faculty members from other centres. She presented an overview of Applied Statistics and its application in social science research.

On 21 April morning, two parallel workshops were organised. Associate Professor Dr. Ling Siew Eng conducted a workshop on mathematics education for the CIMITE faculty members and PgDE students whereas Associate Professor Dr. Margaret Chan conducted a workshop on innovation in science for CISER faculty members and B. Ed 2nd year secondary science 'B' students. In the afternoon, Dato Rector wowed his audience with his talk on "Creativity and Innovation: Do You Need Brain?".

Cultural Dance Competition

In the evening, there was a Cultural Show Competition among the students which was not actually part of the UiTM visit programme.



Photo session with one of the competing teams



Photo Session with the school teachers



Associate Professor Dr. Margaret with some of the school children

School Visit

A visit to Kisa primary school was organised by the college on 22 April. The principal, staff and students gave a traditional warm welcome. The school organised a reception, an assembly, refreshments, classroom teaching observation, interaction with students, cultural programme, a meeting with the staff and lunch. The Rector, on behalf of UiTM, presented gifts and cash to the school.

The closing potluck dinner with Bhutanese delicious food was given by SCE staff in the evening. Dato Rector, Associate Professor Dr. Margaret and Associate Professor Dr. Ling turned up in Bhutanese gho and kera.



At the dinner reception dressed in Bhutanese costumes

On 23 April early morning, it was time to leave Samtse for Thimphu. The journey back was more relaxed as we stopped to shop for sari in Jaigaon, India. We arrived at Thimphu rather late at night.

Visit to the office of the Vice Chancellor

A courtesy call to Dasho Nidup Dorji, the Vice Chancellor and Dr. Phanchung, the Director General of the Research Department of the Royal University of Bhutan in Thimphu was on 24 April morning. The Vice Chancellor was keen on the innovation and herbal production programme of UiTM. A brief discussion was also made on the MoU for collaboration with other RUB colleges.



Exchange of souvenirs between Dato Rector and the Vice Chancellor of the Royal University of Bhutan

Visit to the Centre for Bhutan Studies (CBS)

At 1:00 p.m., a visit was made to the Centre for Bhutan Studies (CBS) to meet Dr. Dorji Penjore, the Director of CBS. After a brief introduction from both sides, UiTM proposed to host the 8th International Conference of Happiness index in Kuching, Sarawak which was agreed on. After the visit, we set out for Paro.

Meeting at Paro Education College

In the evening, a dinner reception was hosted by Mr. Gyatsho Thubten, the Director and President of Paro Education College. The next morning, an invitation was extended to visit the college and more discussions with Dr. Sherab Kezang, Dean of Research and Industrial Linkages were held on collaboration.

Finally, we visited the National Museum in Paro and Taktsang Lhakhang famously known as Tiger's Nest before heading home on the next day.



الجامعة
التكنولوجية
مARA

UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications and International Relations Unit

Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110

E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my